**MINIT MESYUARAT BIL 1/2015**
**JAWATANKUASA TEKNIKAL ISU PELAKSANAAN GST**

1. KETERANGAN AM

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | **23 Mac 2015** |
| Masa | : | **9.00 pagi** |
| Tempat | : | **Bilik Mesyuarat, Bahagian GST**<br>**Aras 4 ,MenaraTulus** |

2. KEHADIRAN

| BIL. | NAMA PEGAWAI | AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | Dato' Subromaniam Tholasy<br>Pengarah Kastam<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 2. | Tuan Tan Sim Kiat<br>Tim. Pengarah Kastam<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 3. | Tuan Ahmad Maher bin Abdul Jalil<br>Tim. Pengarah Kastam<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 4. | Puan Teh Kheng Ean<br>Tim. Pengarah Kastam<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 5. | Puan Rokiah binti Embong<br>Tim. Pengarah Kastam<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 6. | Puan Zaizah binti Zainuddin<br>Penolong Kanan Pengarah Kastam I<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 7. | Puan Norhasimah binti Hussin<br>Penolong Kanan Pengarah Kastam I<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 8. | Puan Norhanisah Dukues binti Abdullah<br>Penolong Kanan Pengarah Kastam I<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | Tuan Khoo Boo Cheang<br>Penolong Kanan Pengarah Kastam I<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 10. | Puan Norazura binti Hashim<br>Penolong Kanan Pengarah Kastam II<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 11. | Encik Michael Hendroff | Malaysia Institute of Accountants |
| 12. | Puan Azlina binti Zakaria | Malaysia Institute of Accountants |
| 13. | Encik Abdul Samad bin Ibrahim | Federation of Malaysian Manufacturers |
| 14. | Puan Shamini Sakthinathan | Federation of Malaysian Manufacturers |
| 15. | Y.Bhg Raja Dato' Abd Aziz Musa | Federation of Malaysian Manufacturers |
| 16. | Encik Lim Kok Seng | Chartered Tax Institute of Malaysia |
| 17. | Encik SM Thanneermalai | Chartered Tax Institute of Malaysia |
| 18. | Encik Abd Aziz bin Abu Bakar | Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia |
| 19. | Koong Lin Loong | The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia |
| 20. | Lu Hooi Seng | The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia |
| 21. | Y.Bhg Dato' Nadzim bin Johan | Persatuan Pengguna Islam Malaysia |
| 22. | Y. Bhg Dato' Paul Selva Raj | Gabungan Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA) |
| 23. | Encik Dave Chang | Jawatankuasa PEMUDAH |

| | | |
|---|---|---|
| 24. | Puan Norizan binti Ramli<br>Pen Kanan PengarahKastam I<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia<br>*Sekretariat* |
| 25. | Tuan Osman bin Abd Karim<br>Pen Kanan PengarahKastam II<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia<br>*Sekretariat* |
| 26. | Tuan Norudin bin Ya'acob<br>Pen Pengarah Kastam<br>Bahagian GST | Jabatan Kastam Diraja Malaysia<br>*Sekretariat* |

| BIL | UCAPAN ALUAN | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 3. | Ucapan alu-aluan Yg.Bhg. Dato' Pengerusi<br><br>YBhg Dato' memulakan mesyuarat dengan ucapan selamat pagi dan mengalu-alukan kedatangan ahli mesyuarat.<br><br>Y.Bhg Dato' memaklumkan tujuan Jawatankuasa ini ialah untuk menyelesaikan isu-isu teknikal pelaksanaan GST. Terdapat dua saluran yang disediakan iaitu Jawatan Kuasa Panel Perunding Kastam Swasta dan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan GST yang dipengerusikan oleh Tan Sri KSP. Dato' Pengerusi memutuskan isu- isu teknikal GST di bincangkan dalam Jawatan kuasa ini. | Makluman |

| BIL. | PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 4. | **4.1** Isu *Approved Trader Scheme* (ATS)<br><br>Ahli mesyuarat membangkitkan tentang isu ATS yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya.<br><br>Y.Bhg Dato' bersetuju bahawa ATS adalah isu yang perlu diberikan keutamaan. Apa yang penting bukannya membawa isu yang dihadapi oleh syarikat tetapi isu ATS itu sendiri.<br><br>Y.Bhg Dato' seterusnya menegaskan Jawatankuasa akan memberikan keutamaan ke atas isu tersebut. | Makluman |
| | **4.2** Peranan KPDPNKK<br><br>Ahli mesyuarat membangkitkan tentang peranan yang sepatutnya dimainkan oleh KPPDNKK. Ia sepatutnya memainkan peranan yang penting kerana mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas peniaga terutama berkaitan dengan isu harga. Justru, KPDNKK sepatutnya turut menganggotai Jawatankuasa ini.<br><br>Y.Bhg Dato' bersetuju dengan saranan/cadangan tersebut dan akan menjemput pegawai/wakil daripada KPDNKK dalam mesyuarat akan datang. | Urusetia |

| | | |
|---|---|---|
| | **4.3** Penghantaran penyata GST-03<br><br>Y.Bhg Dato' meminta kerjasama daripada semua *Association* dan NGO yang mengganggotai Jawatankuasa ini mengingatkan *registrants* yang berkaitan supaya mengemukakan penyata mengikut tempoh yang telah ditetapkan.<br><br>Y.Bhg Dato' juga meminta kerjasama daripada Jawatankuasa yang terdiri daripada *Association* dan NGO supaya turun padang pada 1 April 2015 untuk meninjau dan memantau situasi pada hari tersebut<br><br>**4.4** Isu Bil Elektrik<br><br>Ahli mesyuarat membangkitkan isu berkaitan bil elektrik.<br><br>Y.Bhg Dato' mengarahkan supaya isu tersebut dikemukakan kepada Bahagian GST untuk tujuan perbincangan lebih lanjut.<br><br>**4.4** Isu-isu Untuk Perbincangan<br><br>Y.Bhg. Dato' mencadangkan supaya ahli-ahli yang ada dalam Jawatankuasa ini menghantar sebarang isu/masalah kepada Sekretariat sekurang-kurangnya dalam tempoh *dua minggu* sebelum mesyuarat dijalankan. | <br><br>Association / NGO<br><br><br><br><br><br><br><br>Wakil FMM<br><br><br><br><br>Makluman |
| **6.** | **PENUTUP** | |
| | Y.Bhg Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir mesyuarat pada pagi ini.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10:20 pagi. | |

Disediakan oleh :

( **NORUDIN BIN YA'ACOB** )
Penolong Pengarah Kastam
Bahagian GST
Ibu Pejabat
Setiausaha

Disahkan oleh :

( **DATO' SUBROMANIAM THOLASY** )
Pengarah Kastam
Bahagian GST
Ibu Pejabat
Pengerusi